

NAMA:

TINGKATAN:

Pada pukul 8.00 pagi, guru Penolong Kanan Kokurikulum iaitu Cikgu Razlan telah memberi taklimat kepada guru-guru dan murid-murid tentang aktiviti yang akan dijalankan. Murid-murid telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan diketuai oleh dua orang guru..

Laporan disediakan oleh,

.....

(HASIF ZAKWAN BIN MOHD
HAMIDI)

Laporan Aktiviti Menceriakan dan Mengindahkan Kawasan Sekolah

21 OGOS 2009

Pada pukul 10.00 pagi, kami berehat dan menikmati minuman dan juadah kuih-muih di kantin sekolah yang disediakan oleh pihak sekolah. Setengah jam kemudian, iaitu pada pukul 10.30 pagi, kami menyambung semula aktiviti gotong-royong itu.

Kumpulan kedua pula membuat Taman Sains dan Hidroponik. Pelbagai jenis tanaman herba dan sayur-sayuran ditanam di taman ini seperti sireh, sawi, kacang botol dan lain-lain lagi. Manakala, kumpulan ketiga pula perlu menyediakan pelbagai papan tanda khas. Antara papan tanda yang disediakan ialah melabel nama pokok, nama bangunan dan nama taman.

Kumpulan pertama ditugaskan untuk mengecat pasu bunga dan menanam pokok bunga yang pelbagai jenis di sekitar kawasan sekolah. Antara pokok bunga yang ditanam ialah pokok bunga kertas, orkid, bunga matahari dan lain-lain lagi. Pasu-pasu bunga juga telah dicat dengan warna-warna yang menarik.

Pada 9 Ogos 2019, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tualang telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk menceriakan dan mengindahkan kawasan sekolah. Aktiviti ini telah disertai oleh semua murid dan guru-guru sekolah.

Aktiviti menceriakan dan mengindahkan kawasan sekolah ditamatkan pada pukul 12.00 tengah hari setelah tugas selesai disiapkan oleh setiap kumpulan. Kini, SK Seri Tualang tampak lebih cantik dan ceria. Sebelum bersurai, murid-murid dan guru-guru dijemput menikmati makan tengah hari di kantin sekolah. Kami sungguh gembira kerana dapat menyertai aktiviti ini dan berharap aktiviti ini dapat diadakan lagi yang menarik.

Arahan: Murid-murid diminta menyusun karangan laporan tersebut mengikut perenggan dan format. Murid perlu seret kotak.

